

25 MAY 1996

Anwar-calon

AMARAN TERAKHIR KEPADA CALON-CALON JAWATAN UMNO

IPOH, 25 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memberi amaran terakhir kepada calon-calon yang bertanding pada pemilihan parti Oktober depan supaya mengikut peraturan yang ditetapkan.

Timbalan Presiden Umno itu berkata beliau telah menerima maklumat cukup membuktikan adanya salah laku oleh calon-calon yang bertanding.

Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno akan bermesyuarat Rabu ini bagi membincangkan maklumat-maklumat yang diterima mengenai kegiatan salah laku yang dikatakan berleluasa, katanya.

Anwar, yang juga pengerusi jawatankuasa itu, berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen dan pameran Umno Perak sempena sambutan ulang tahun ke-50 Umno di sini hari ini.

Dalam ucapannya, beliau mengingatkan anggota-anggota Umno yang bertanding supaya tidak melanggar peraturan seperti mengendalikan rombongan ke tempat-tempat tertentu.

Anwar berkata: " Mengikut tafsiran dan pandangan kita hal-hal ini boleh menjejaskan perpaduan, kewibawaan dan kredibiliti kita sebagai parti yang memerintah."

Pemimpin Umno mesti ingat yang kemenangan berdasarkan kepada keyakinan masyarakat terhadap mereka dan bukan kerana "dilihat oleh masyarakat sebagai terlalu rakus, sombong, membazir dan angkuh.

" Rakyat menilai dan menyokong dan jangan kita ditampuk kekuasaan sanggup menggadai prinsip ini," katanya.

Beliau juga mengingatkan calon bertanding supaya jangan menggunakan upacara dan ucapan yang menyindir dan maki hamun, sama ada berselindung atau cara terang, bagaikan tiada kekuatan lain yang boleh dipertontonkan kerana ini akan menimbulkan keretakan dalam parti.

" Ada yang menggunakan wang, maki hamun dan ada sebahagiannya pula mengaitkan nama-nama tokoh dan ini menyulitkan kerja kita, dan tidak munasabah untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya menjalankan kerja-kerja penafian," katanya.

Beliau berkata untuk memastikan mereka tidak perlu membuat penafian dan penjelasan setiap waktu, maka garis panduan diadakan dengan perpaduan dalam parti diutamakan.

Anwar berkata oleh kerana itu perpaduan diutamakan dalam parti, dan ini memerlukan semangat kerjasama dan prinsip ketaatan kepada kepimpinan di semua peringkat yang dapat memperkukuh dan memperkuat parti daripada dimasuki unsur-unsur yang boleh menggugat perpaduan parti.

Beliau juga berkata dalam pentadbiran negara dan negeri tidak semestinya semua keputusan pucuk pimpinan dipersetujui oleh anggotanya seratus peratus.

Contohnya tidak semua keputusan yang dibuat Perdana Menteri dipersetujui olehnya, dan tidak sependapat ini bukan bermakna ianya membawa kepada satu keadaan yang tegang atau keputusan yang dibuat tidak disokong, dan kepimpinan tidak diterima, katanya.

Beliau berkata apa yang mesti diingat perpaduan Umno sangat penting dan "jangan kita biarkan halangan yang mempunyai agenda tersendiri ataupun mereka yang tidak ada kekuatan lain selain timbul dan meniupkan ketegangan dan permasalahan (dalam parti)."

Anwar berkata perkara ini antaranya ditimbulkan oleh media asing dan sebahagian daripada mereka yang menyokong pendapat negatif ini.

" Saya menyentuh perkara ini setelah Perdana Menteri menjawab soalan yang dikemukakan secara bertalu-talu oleh pemberita petang semalam sama ada Timbalan Perdana Menteri telah meletak jawatan dan saya pula duduk di sebelahnya," katanya.

-- BERNAMA.

HK AHH